

07/12/1997

Jiran Perdana Menteri

Zainudin Isa

CHE Aziz Buyong, 48, cuma bekas anggota komando, tetapi beliau dan keluarganya mungkin paling bertuah di ibu kota. Malah, siapa sangka Che Aziz yang dulu penghuni rumah setinggan, kini berjiran dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Banglo yang diduduki Che Aziz dan keluarga di Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur, hanya terletak selang sebuah rumah dengan Seri Perdana - kediaman rasmi Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Banglo dua tingkat bernombor 16, Jalan Kelantan itu, diduduki Che Aziz sejak pertengahan 1993 bersama isterinya, Jamayah Yeop, 38 dan lima anak mereka - Ahmad, 23; Aliza, 18; Azila, 18; Amira, 5, dan Anisza dua setengah tahun.

"Tidak pernah saya impikan untuk berjiran dengan Perdana Menteri. Apa lagi melihat latar belakang hidup saya yang pernah menjadi peneroka bandar (penduduk setinggan)," katanya.

Ketika ditemui baru-baru ini, beliau berkata, rumah yang didudukinya diibaratkan "hadiah emas" selepas melalui hidup getir sebagai peneroka bandar di Kampung Sungai Putih, Lembah Jaya Utara, Ampang sejak 1980-an.

Menurutnya, rumah berkenaan sebenarnya pejabat untuk Kelab Bekas Komando Malaysia (KBKM) yang dihadiahkan Dr Mahathir.

Bagaimanapun, Presiden KBKM, Abdul Rahim Dahlan, menyuruh Che Aziz tinggal di situ dan menjaga banglo berkenaan seperti rumahnya sendiri.

"Beliau (Abdul Rahim) kasihan melihat hidup saya yang tidak menentu selepas beberapa kali rumah setinggan saya dirobuhkan," kata Che Aziz yang juga Setiausaha Kerja KBKM dan kini bekerja sebagai pegawai pentadbir dan perakaunan di syarikat milik Abdul Rahim.

Menurut Che Aziz, beliau mula menjadi penghuni setinggan pada awal 1980-an sewaktu baru bertugas di Kem Pasifik, Jalan Semarak (kini berpindah ke Kem Sungai Udang, Melaka).

"Kami tiada kuarters ketika itu. Jadi, kami terpaksa menyewa rumah lain. Saya bagaimanapun mengambil keputusan membina rumah di sebuah kawasan lereng bukit terbiar selepas seorang rakan memberitahu kawasan itu sesuai untuk didiami," katanya.

Bagaimanapun, masalah mula timbul apabila sebahagian penduduk di situ berpakat untuk meratakan kawasan masing-masing dan menyewa di luar buat sementara waktu.

"Kami mula berpecah kerana ada yang bersetuju dengan rancangan itu, tetapi saya dan beberapa penduduk menolak kerana tiada jaminan bahawa kami akan kembali semula ke kampung itu.

"Akhirnya, saya bersama 11 lagi penduduk bertahan, sedangkan yang lain sudah keluar. Rumah kami dirobuhkan dan rumah saya sendiri lima kali dirobuhkan kerana enggan berpindah.

Che Aziz dan keluarga akhirnya berpindah ke rumah anak saudaranya, Faridah Kassim, di sebuah taman perumahan di Jalan Ampang.

"Kami sekeluarga tinggal di situ hampir tiga bulan sebelum ditawarkan tinggal di banglo ini," katanya.

(END)